

Agensi kerajaan mampu kutip dana hilang dan tiris

PM yakin penjawat awam boleh laksana tugas dengan cemerlang

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Cyberjaya: Perdana Menteri yakin semua agensi kerajaan mampu memungut dana yang hilang dan tiris melebihi RM15.5 bilion yang berjaya diselamatkan setakat ini.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, walaupun ramai kakitangan kerajaan yang berkhidmat dengan cemerlang, masih ada bibit-bibit kerosakan dan kepinangan dalam agensi kerajaan, terutama yang melaksanakan penguatkuasaan undang-undang, sehingga berlaku ketirisan.

Beliau berkata, kelemahan dalam sistem agensi kerajaan mem-

buka peluang kepada segelintir pihak memanipulasi kelompokan berkenaan hingga mengakibatkan kehilangan dana yang sepatutnya dimanfaatkan untuk rakyat.

Katanya, kerjasama agensi seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) dengan bantuan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM), membolehkan kutipan dana tambahan RM15.5 bilion sejak dua tahun lalu, iaitu hasil yang diseleweng.

"Saya tidak boleh menafikan, bahawa saya sebagai anak Malaysia, bangga dengan prestasi Kastam Diraja.

"Dalam dua tahun lebih kita berjaya menghasilkan tambahan RM15.5 bilion. Itu kerana rakyat, hak kita, hak rakyat yang 'dirompak' kerana sistem kita masih belum kemas sehingga memungkinkan ada kelompok yang mencari kesempatan, menyebabkan ketirisan, kehilangan dana.

"Kalau tanya saya, adakah ini mencukupi? Saya tidak yakin jumlah ini adalah RM15.5 bilion," katanya pada Sambutan Hari Kastam Sedunia 2025, di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasion Ismail; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin.



Anggota kastam ceria pada Sambutan Hari Kastam Sedunia 2025 di Cyberjaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Cabaran kembalikan dana

Perdana Menteri berkata, agensi kerajaan termasuk Kastam, menerima cabaran untuk mengembalikan wang yang tiris, hilang atau dicuri, sekali gus mampu menyelamatkan bangsa dan negara ini.

Anwar berkata, peringatan itu mewakili semua pihak yang menaruh keyakinan serta benar-benar percaya bahawa apabila manusia diingatkan, mereka mampu memperbaiki kelemahan diri.

Terdahulu, beliau mengingatkan kakitangan Kastam agar tidak berpuas hati dengan pencapaian sedia ada, sebaliknya terus memperbaiki prestasi, me-

ningkatkan kecekapan dan integriti sebagai teras penyampaian perkhidmatan.

Anwar berkata, walaupun negara mencatat pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan serta menunjukkan petanda positif termasuk pengukuhan ringgit, pencapaian itu belum memadai untuk mengangkat martabat dan kedudukan Malaysia ke tahap yang lebih tinggi.

Katanya, perubahan sikap, kesediaan menerima keadaan baharu dan semangat untuk mempertingkatkan mutu kerja ialah prasyarat penting dalam memastikan Malaysia terus maju dalam era ekonomi yang lebih kompetitif.